

Lambakan pinjaman mudah lonjak muflis

■ Akses kredit tanpa kawalan dorong pengguna terjerumus bebanan hutang

Oleh Aizat Sharif

mohd.aizat@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Peningkatan kemudahan pinjaman menyebabkan orang ramai terjerumus kepada bebanan hutang yang banyak sehingga membawa kepada muflis.

Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Mohamad Fazli Sabri berkata perkembangan produk dan perkhidmatan kewangan semasa menyebabkan ramai pengguna lebih mudah akses kepada kemudahan pinjaman atau kredit.

“Kemudahan kad kredit, pembiayaan semula atau ‘refinance’, pemindahan baki kad kredit, pembayaran secara talian memberi



kemudahan kepada pengguna dan sekiranya tidak dikawal ianya boleh menggalakkan pengguna untuk terus berbelanja tanpa kawalan,” katanya ketika membentangkan kertas kerja “Beban Hutang Implikasi Kepada Kebajikan Isi Rumah dan Ekonomi Negara” dalam

“Pengaruh sahabat dan jiran tetangga juga mempengaruhi penggunaan kredit atau hutang individu”

Dr Mohamad Fazli Sabri

Seminar “Beban Hutang Isi Rumah: Isu dan Penyelesaian” di Institut Kefahaman Islam (IKIM) Jalan Duta di sini semalam.

Seminar yang berlangsung selama dua hari bermula semalam itu akan menampilkan lapan pembentang kertas kerja daripada pelbagai agensi dan institusi pengajian tinggi yang akan membentangkan kajian mereka terhadap bebanan hutang isi rumah di negara ini.

Mohamad Fazli menambahkan, faktor itu turut dibantu dengan kemunculan syarikat pemberi pinjaman wang yang tidak sah dan berdaftar yang mana langkah itu sering menjadi kebergantungan kepada orang ramai untuk memperoleh pinjaman dengan cara yang senang.

Menurutnya, Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 (Akta 500); kadar faedah adalah tidak melebihi 15 peratus setahun bagi pinjaman bercagar seperti kereta, tanah dan rumah dan tidak melebihi 18 peratus bagi pinjaman tidak bercagar.

Katanya, sekiranya berlaku kelewatan dalam pembayaran, pemberi pinjaman wang boleh dikenakan faedah ringkas atas kadar lapan peratus setahun dari jumlah pokok dan faedah tertunggak dikira dari hari

ke hari hinggalah jumlah itu dijelaskan.

Selain itu katanya, pengaruh daripada sahabat dan jiran tetangga juga mempengaruhi penggunaan kredit atau hutang individu itu.

“Fenomena ini sering dapat diperhatikan apabila tibanya musim perayaan di mana masing-masing ghairah untuk mempamerkan koleksi hari raya mereka.

“Malahan ada sanggup menukar kenderaan baru semata-mata tidak mahu kalah dengan apa yang dimiliki jiran mereka, jadi wujudlah peranan rakan yang menjadi penasihat kewangan peribadi tidak bertauliah dan mempengaruhi seseorang supaya berbelanja,” katanya lagi.

Berikutan itu katanya, wujudlah hutang baru yang tidak sepatutnya ada dalam bil kewangan seseorang individu itu.